

18 MAY, 2022

## 493,397 tan durian menjelang 2025



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Teknologi pertanian pintar berjaya tingkatan pengeluaran raja buah negara

# 493,397 tan durian menjelang 2025

Oleh AMREE AHMAD

**PUTRAJAYA** – Jabatan Pertanian menganggarkan pengeluaran durian negara dijangka meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025 berikutan penggunaan teknologi pertanian pintar.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Zahimi Hassan, unjuran itu berdasarkan trend positif yang direkodkan pada tahun 2020 apabila negara berjaya mencapai pengeluaran 390,635 tan.

"Banyak ladang durian sudah menggunakan teknologi pertanian pintar seperti sistem Internet Benda (IoT) dalam proses pengairan dan pembajaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, ketika ini kawasan penanaman durian berkeluasan 76,895 hektar, namun hanya 40 peratus atau 30,758 hektar yang ditanam varieti Musang King.

"Baka yang dikenali sebagai Raja Kunyit atau D197 itu turut jadi sumber kekayaan baharu negara dengan banyak diekspor ke pasaran berpotensi di pelbagai negara asing," ujarnya.

Ketika ini, raja buah itu menembusi China, Taiwan, Korea



PERMINTAAN terhadap durian meningkat setiap tahun termasuk dari luar negara. – GAMBAR HIASAN

Selatan, Singapura, Vietnam dan Jepun selain Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan 13 negara lain.

Berdasarkan rekod Lembaga Pemasaran Pertanian Perseku-

tuan (FAMA), nilai eksport pada 2016 lalu ialah sebanyak RM69.9 juta, manakala pada 2020 pula telah melepasi RM144.7 juta.

Ujarnya, permintaan global terhadap industri durian teruta-

ma produk sejuk beku dianggarkan bakal bernilai AS\$30 bilion (RM132 bilion) menjelang 2025.

Katanya, Malaysia mampu memenuhi permintaan tinggi kerana pensijilan Amalan Pertanian Baik

yang diperkenalkan membuktikan pihak kerajaan amat prihatin dengan tanaman itu.

"Garis Panduan Pembangunan Durian di Tanah Bercerun yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian turut membantu ramai pengusaha secara lestari untuk mengurangkan risiko bencana.

"FAMA juga bekerjasama dengan kementerian bagi memperluaskan akses pasaran yang berpotensi dengan pelbagai promosi dan kempen kesedaran pengguna di luar negara," ujarnya.

Dalam usaha mengelakkan berlaku lambakan durian seperti tahun lalu, agensi tersebut menyediakan 157 bilik sejuk beku bagi penyimpanan tahan lama isi berbentuk ulas dan pes.

Data terkini agensi itu pada 2020 menunjukkan Johor muncul sebagai pengeluar utama durian di Malaysia dengan keluasan 18,530 hektar dan pengeluaran 117,365 tan bernilai RM22 juta.

Diikuti Pahang dengan keluasan 13,363 hektar dan pengeluaran 96,692 tan bernilai RM18 juta serta Sarawak (12,242 hektar) pengeluaran 35,735 tan bernilai RM0.6 juta.



18 MAY, 2022

## 493,397 tan durian menjelang 2025

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Teknologi pertanian pintar berjaya tingkatkan pengeluaran raja buah negara

PUTRAJAYA - Jabatan Pertanian menganggarkan pengeluaran durian negara dijangka meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025 berikutan penggunaan teknologi pertanian pintar. Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Zahimi Hassan, unjuran itu berdasarkan trend positif yang direkodkan pada tahun 2020 apabila negara berjaya mencapai pengeluaran 390,635 tan. "Banyak ladang durian sudah menggunakan teknologi pertanian pintar seperti sistem Internet Benda (IoT) dalam proses pengairan dan pembajaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.